

dinikmati oleh semua lapisan masyarakat sekali gus memberi kemudahan dan keselesaan kepada warga Seberang Perai.

Antara program yang dilaksanakan MBSP sebelum ini seperti membangunkan serta menaik taraf ruang pelbagai guna untuk tujuan perniagaan, rekreasi dan sukan, sosial, resepsi perkahwinan dan pelbagai acara seperti pencahayaan Dataran Pemuda Merdeka sebagai tempat santai keluarga dan menaiktaraf Taman Rekreasi Taman Tunku.

Selain itu, MBSP juga telah menaik taraf Kompleks Makanan Lengkok Tenggiri, Seberang Jaya, dan Meroboh dan Membina Semula Kompleks Makanan Taman Sentosa, Seberang Perai Selatan.

Bagi merungki semua permasalahan yang mungkin membelenggu penduduk mengenai isu PBT di sini, kita juga mengadakan hari mesra pelanggan setiap tiga bulan dengan memberi penekanan 'Anda Ada Masalah Kami Permudah' di pejabat MBSP.

Mengenai kemudahan dalam khidmat pelanggan, seiring dengan perkembangan teknologi masa kini, MBSP juga telah meningkatkan sistem perkhidmatan pelanggan yang sebelum ini dikenali MyMBSP apps dan akan dinaiktaraf menjadi Cyber Counter.

Penduduk boleh melaksanakan transaksi yang pantas melalui Cyber Counter MyMBSP seperti permohonan lesen, pembayaran cukai dan kompaun kesalahan, pemeriksaan status kompaun kesalahan, tempahan kemudahan-kemudahan sukan dan komuniti, mendapatkan maklumat terkini dan menyemak program yang dilaksanakan, tempat menarik dan lokasi pusat pengumpulan bahan



Yang Dipertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas menyerahkan Cokmar kepada Rozali selepas dilantik menjadi Datuk Bandar Seberang Perai yang pertama.

kitar semula.

Bandar pintar Seberang Perai juga akan mewujudkan *smart environment* serta *smart people* yang mengambil bahagian dalam pengurusan bandar.

Antara teknologi yang kita perkenalkan untuk menjadikan Seberang Perai sebagai bandar pintar adalah dengan penyediaan integrasi sistem video *analytic* dan CCTV bagi tujuan pengiraan isipadu kenderaan dan penyuratan trafik, pemantauan pembuangan sampah haram, pemantauan kesalahan *municipal* dan pencegahan jenayah.

Kita juga melaksanakan pemasangan sistem pemantauan lampu isyarat di 100 persimpangan lampu isyarat yang dapat membuat pemantauan secara langsung dan boleh diakses melalui web dan telefon pintar.

Apakah inisiatif yang diambil MBSP bagi merencanakan pembangunan di Seberang Perai terutama di kawasan luar bandar?

**ROZALI:** Penjana ekonomi yang kompetitif merupakan inisiatif yang diambil oleh MBSP bagi merencanakan pembangunan di Seberang Perai terutamanya di kawasan luar bandar dengan membangunkan ruang pelbagai guna untuk menambah tempat-tempat niaga, ruang bersenam dan bersukan, ruang sosial, resepsi perkahwinan dan pelbagai acara.

Bagi membantu golongan luar bandar meningkatkan ekonomi, MBSP juga mempromosikan garis panduan trak makanan dan trak perkhidmatan bagi membantu golongan B40 untuk bukan sahaja mendapat perkerjaan malahan menjadi pengusaha.

Kita turut mengadakan program santai pengusaha bagi menemukan institusi bank, MARA atau institusi kewangan yang lain dengan golongan B40 yang bercadang atau yang sedang mengusahakan trak makanan atau trak perkhidmatan bagi membincangkan sumber pembiayaan perniagaan mereka.

Selain itu, kita juga mempromosikan garis panduan permit sementara pusat mencuci kenderaan secara manual untuk memudahkan B40 memulakan perniagaan, garis panduan lesen bertempoh dan garis panduan permit sementara perniagaan tidak berisiko untuk usahawan luar bandar untuk menjana ekonomi dengan menjalankan perniagaan.

Apakah perubahan yang dapat dilihat di Seberang Perai selepas hampir tiga bulan bertukar status kepada bandar raya?

**ROZALI:** Bagi memberi keceriaan dan menarik perhatian orang ramai MBSP telah memasang lampu hiasan di Bandar Perda, menaik taraf pencahayaan lampu hiasan di Taman Upcycle Bandar Perda.

Tujuannya bukan sahaja menarik ramai pengunjung malahan bagi meningkatkan keselamatan di kawasan tumpuan orang ramai, meningkatkan kualiti hidup dan

Bagi membantu golongan luar bandar meningkatkan ekonomi, MBSP juga mempromosikan garis panduan trak makanan dan trak perkhidmatan bagi membantu golongan B40 untuk bukan sahaja mendapat perkerjaan malahan menjadi pengusaha." - Rozali

kesejahteraan rakyat.

MBSP juga berjaya menyediakan eko-koridor yang berkonsepkan konektiviti dan mobiliti hijau yang pertama di Seberang Perai

Selain itu, kita juga mewujudkan tujuh taman di setiap Parlimen berkonsepkan *forest park* secara serentak dengan penanaman 6,000 batang pokok sempena pengisytiharan bandar raya pada bulan September 2019.

Apakah cabaran terbesar yang dihadapi sepanjang Datuk mentadbir organisasi ini?

**ROZALI:** Antara isu popular yang dikaitkan dengan PBT semestinya isu pembersihan. Dalam isu ini, MBSP mempunyai sistem pengurusan sisa pepejal yang bersepadu dan stabil diakui oleh bandar ternama di dunia. Seberang Perai mempunyai 127 hektar tanah untuk Tapak Pelupusan Level IV di Fasa 3 yang mampu menampung sisa hingga 30 tahun yang akan datang. Seberang Perai mempunyai kemudahan stesen pemindahan dan Seberang Perai mempunyai jadual kutipan dari rumah ke rumah selang sehari, kutipan dari tong komunal setiap hari, pemotongan rumput dan pembersihan longkang berjadual.

Bagaimanapun, kehadiran warga asing yang ramai serta segelintir warga tempatan yang tidak bertanggungjawab membuang sampah di merata tempat telah menyebabkan setengah kawasan menjadi kotor.

MBSP telah mengadakan pelbagai program *Community Engagement* bersama pengusaha kilang untuk menangani isu ini. Pemasangan Sistem Global Positioning System (GPS) kepada semua kenderaan pembersihan MBSP.

MBSP mempunyai kumpulan Local Action 21 yang akan menggerakkan semua program alam sekitar. Terdapat pelbagai program yang dianjurkan di bawah MBSP dengan penglibatan 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philisopher, Planet, Partnership*).

Selain itu, isu pembuangan sampah haram juga merupakan

cabaran besar kerana Seberang Perai adalah PBT yang terbesar di Malaysia dengan keluasan 738 kilometer persegi, masalah pembuangan sampah haram disukarkan lagi dengan kehadiran berpuluh kontena berisi plastik dari negara asing.

Bagaimanapun, MBSP telah menggunakan pelbagai pendekatan dalam pemantauan sehingga berjaya menurunkan pembuangan sampah haram iaitu pada tahun 2014 (118 kes), 2015 (72 kes), 2016/2017 (60 kes) dan 2018 sehingga kini (48 kes).

Dalam masa sama, kesesakan Lalulintas semasa waktu puncak juga antara masalah yang membelenggu masyarakat di Seberang Perai. Terdapat 44 lokasi hot spot semasa waktu puncak disebabkan pengguna berulang alik ke tempat kerja. MBSP telah memperkenalkan sistem *green wave* di tiga lokasi iaitu di Jalan Bukit Tambun, Jalan Bukit Minyak dan Jalan Bukit Nanas supaya pemandu mendapat hijau di beberapa persimpangan tanpa henti.

Penggunaan teknologi *Internet of Things (IoT)* di 100 lampu isyarat untuk meningkatkan kecekapan penyelenggaraan, mengurangkan *down time* dan pengurangan kos.

Masalah banjir kilat juga antara isu yang giat ditangani MBSP dan ia berlaku disebabkan Seberang Perai berada di bawah paras laut, oleh itu banjir akan sentiasa berlaku apabila hujan lebat bertembung dengan paras air laut pasang melebihi dua meter.

Penggunaan teknologi IoT dalam komponen pembangunan bandar pintar boleh memberi amaran awal mengenai peningkatan paras air di longkang-longkang utama, parit monsun dan 20 rumah pam.

MBSP juga telah memperkenalkan Sistem SPARK (Sistem Amaran Paras Air Kawalan Banjir) untuk mengoptimumkan penggunaan tenaga kerja di rumah pam kawalan banjir. Sistem ini akan menghantar maklumat paras ketinggian air melalui kaedah Sistem Pesanan Ringkas (SMS) kepada pegawai MBSP di lapangan.

